

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA (SIPITANG)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan cadangan mewujudkan kem tentera baharu di pantai timur Sabah untuk memperkuuh kawalan keselamatan dalam usaha menangani ancaman keselamatan, termasuk aktiviti militan, penyeludupan dan pemerdagangan manusia.

**JAWAPAN**

Kementerian Pertahanan sentiasa peka dan memandang serius aspek keselamatan terutama aktiviti militan, penyeludupan dan pemerdagangan manusia dalam memastikan keamanan di seluruh negeri Sabah sentiasa terpelihara.

Bagi mencapai matlamat tersebut, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui Pelan Strategik Tentera Darat telah memperkuuhkan Divisyen Ke-5 Infantri yang sebelum ini dikenali sebagai Task Force 450 dan ditempatkan di Kem Lok Kawi untuk memerintah 3 buah Briged Infantri di bawah naungannya di Sabah. Briged Ke-5 Infantri yang berada di Kem Lok Kawi telah ditempatkan ke Kota Belud untuk mengawal keseluruhan keselamatan Pantai Barat dan Pedalaman Sabah. Manakala, Briged Ke-13 (ESSCOM) yang telah ditukar nama menjadi Briged Ke-13 Infantri berpengkalan di Cenderawasih, Lahad Datu pula bertanggungjawab mengawal keselamatan di kawasan Pantai Timur Sabah. Disamping itu, Briged Ke-32 Infantri pula dirancang untuk ditubuhkan di sekitar Kalabakan untuk mengawal keseluruhan keselamatan sempadan daratan Sabah/Indonesia.

Selain itu, keselamatan negeri Sabah juga dipantau oleh Markas Angkatan Tugas Bersama 2 di Kem Kukusan, Tawau secara bersama oleh ketiga-tiga perkhidmatan. Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah menempatkan Markas Pemerintahan Armada Timur di Kota Kinabalu bagi memerintah Pangkalan Laut di Sabah dan Sarawak, manakala Markas Wilayah Laut 2 telah di tempatkan di Sandakan bagi memantau Pantai Timur Sabah.

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) pula telah menempatkan Markas Wilayah Udara 2 di Labuan serta Pusat bantuan Operasi Udara di Tawau bagi memantau keselamatan ruang udara keseluruhan negeri Sabah.